

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 02 Mac 2016 15:34
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SMKAKS SELANGOR TETAP CEMERLANG



02 MAC 2016 / 22 JAMADILAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi & Dwi Nurahmana
Gambar oleh: Anjung Tamu

SMKAKS SELANGOR TETAP CEMERLANG



ANJUNG TAMU ONLINE: Sekolah Kluster Kecemerlangan Pasir Penambang dari Selangor iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor (SMKAKS) seramai 46 orang telah mengadakan lawatan ke UUM anjuran Kelab Elit Bahasa Melayu dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Akademik UUM.

Guru penasihat SMKAKS, Zaleha Ibus menjelaskan bahawa antara objektif lawatan sambil belajar ini diatur begitu rapi hingga selamat sampai ke destinasi bertujuan membina jalinan kerjasama akademik yang padu antara UUM-SMKAKS.

Mereka yang gembira dirai serta diberikan taklimat umum mengenai UUM turut bergambar sambil bersantai di laman Welcome Centre.

“Welcome Centre menyambut kami dengan penuh ramah mesra”.

“Terima kasih atas layanan yang diberikan sepanjang kami berada di UUM”, kata guru penasihat.

Ujarnya lagi, “Semoga terus cemerlang”.

Seterusnya mereka dibawa melawat kampus hijau supaya ilmu dan pengalaman yang diperolehi dekat di hati pelajar.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

JABATAN CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

